

# Goldman Sachs buat tawaran baharu selesai skandal 1MDB

PM beri amaran usah anggap ancaman tuntutan mahkamah sebagai helah

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Goldman Sachs Group Inc membuat tawaran baharu untuk menyelesaikan skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Perdana Menteri berkata demikian kepada *Bloomberg News* ketika lawatannya ke New York untuk Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Saya rasa tidak adil untuk mencadangkan keseluruhan per-

janjian itu perlu dikaji semula, namun ada bidang tertentu yang mempunyai kelemahan, maka mungkin kita hanya fokus pada itu,” katanya.

Walaupun kedua-dua pihak akan cuba mendapatkan penyelesaian secara baik, Anwar masih memberi amaran kepada Goldman Sachs supaya tidak mengangap ancaman tuntutan mahkamah sebagai helah semata-mata.

“Mereka anggap kami ambil mudah, mereka fikir kami tidak akan meneruskan dengan tuntutan mahkamah. Tiada apa yang kami rugi kecuali yuran guaman, yang kerajaan boleh uruskan. Tetapi ia juga integriti Goldman yang dipersoalkan,” katanya.

## **Tak puas hati dua perkara**

Kerajaan Malaysia tidak berpuas hati dengan dua perkara penting dengan perjanjian sedia ada dan cara Goldman mendekatinya.



Perdana Menteri berkata, kelemahan pertama adalah kuantum dan tafsiran beberapa klausa.

Jika perlu, katanya, beliau boleh membabitkan diri secara pe-

ribadi, tetapi tidak nampak keperluan berbuat demikian.

“Kami mempunyai pasukan yang cekap untuk melihatnya, tetapi jika perlu, saya boleh bertemu mereka hanya untuk mi-

num teh atau kek keju secara kasual,” katanya.

Pada persidangan perniagaan di Singapura baru-baru ini, Anwar berikrar untuk mencari penyelesaian baharu daripada bank pelaburan Amerika Syarikat (AS) itu atas peranannya dalam skandal rasuah berbilion dolar 1MDB.

Perdana Menteri dilaporkan berkata akan mendesak untuk rundingan semula perjanjian yang dipersetujui oleh bekas perdana menteri sebelum ini dengan bank itu tiga tahun lalu.

Anwar turut memberi amaran supaya tidak ada pihak yang mengambil kesempatan ke atas negara Asia Tenggara itu.

Di bawah penyelesaian 2020 itu, Goldman Sachs membayar Malaysia AS\$2.5 bilion untuk peranannya dalam skandal kewangan, manakala Malaysia bersetuju menamatkan semua prosiding jenayah terhadap bank itu.